

KDN meterai 8 kontrak bernilai RM2.59 bilion



Upacara menandatangani kontrak sempena pameran DSA dan Natsec 2022 di Kuala Lumpur pada Rabu.

Bagi menaik taraf perolehan aset-aset keselamatan negara

Oleh MOHD HARIS FADLI
MOHD FADZIL

KUALA LUMPUR

Kementerian Dalam Negeri (KDN) memeterai lapan kontrak perolehan dan naik taraf aset keselamatan dengan nilai keseluruhan RM2.59 bilion yang dianugerahkan kepada syarikat-syarikat tempatan.

Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Hamzah Zainudin berkata, pemeteraian kontrak tersebut membuktikan komitmen KDN dalam agenda keselamatan nasional dan memastikan setiap aset sentiasa siap

siaga.

“KDN sentiasa komited dalam meletakkan aspek keselamatan sebagai agenda utama khususnya dalam perancangan perolehan bagi memastikan aset-aset keselamatan negara sentiasa berada dalam mod kesiapsiagaan yang tinggi.

“Antara kontrak berimpak tinggi yang ditandatangani adalah Perolehan Peralatan Satelit X-Band Untuk Polis Diraja Malaysia, Projek Naik Taraf Sistem SWASLA untuk Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia dan Projek Sistem Imigresen Bersepadu Nasional (NIISe) untuk Jabatan Imigresen Malaysia,” kata beliau.

Hamzah berkata demikian dalam ucapannya selepas menyaksikan upacara menandatangani kontrak bersempena dengan Pameran Perkhidmatan Pertahanan Asia

(DSA) dan Pameran Keselamatan Antarabangsa (Natsec) Asia 2022 di sini pada Rabu.

Mengulas isu keselamatan siber, Hamzah memberitahu, kerjasama antara semua negara terbabit perlu dipertingkatkan dalam usaha membantulas penjenayah siber daripada terus berleluasa.

“Bila saya kata kerjasama ini, bukan hanya dalam negara semata-mata kerana dalam negara sudah terbukti dapat bekerjasama dengan semua agensi yang ada. Kita perlu bekerjasama dengan negara luar.

“Saya katakan semalam semasa ucapan pembukaan bahawa bila kita nak lawan dengan penjenayah siber ini kita perlu kerjasama dari banyak negara dengan begitu rapat.

“Kadang-kadang (serangan siber) ia berlaku dari luar negara dan kalau tiada kerjasama susah untuk kita dapatkan maklumat,” ujarnya.

**PAMERAN DSA
DAN NATSEC
2022**